

**TEKS UCAPAN ALUAN |
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD Janor
NAIB CANSELOR UiTM**

**DIWAKILI OLEH;
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR TS. DR. NORAZAH ABD RAHMAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR PENYELIDIKAN DAN
PEMBANGUNAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN
PROGRAM PROFICIENCY CERTIFICATE FOR
ENTREPRENEURSHIP EDUCATORS (ProCEED)**

**15 MEI 2023 | ISNIN | 2 PETANG
MARDHIYYAH HOTEL & SUITES, SHAH ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

***ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA
ASYRAFIL ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA 'ALAAALIHI WASOHBIHI AJMA'IN.***

● **Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar**

Penolong Naib Canselor Masmed

● **Pengarah-pengarah, para pensyarah, para pelajar dan
hadirin sekalian.**

[SALUTASI- Kemas kini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

**Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia
MADANI.**

1. Syukur kita ke hadrat Ilahi, kerana dengan rahmat-NYA kita dapat berkumpul di dalam **Majlis Penutupan Program Proficiency Certificate for Entrepreneurship Educators (ProCEED)** pada petang ini.

2. Saya dengan rasa berbesar hati, mengucapkan terima kasih kepada jawatakuasa Penganjur ProCEED iaitu Akademi Pembangunan Perusahaan Kecil dan Serderhana (PKS) serta Keusahawanan Malaysia (MASMED), Universiti Teknologi MARA yang telah memberikan komitmed dalam menjayakan program ini.

3. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi kerana memberi kepercayaan kepada UiTM melalui MASMED sebagai penganjur program latihan keusahawanan **ProCEED 2.0**.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. ProCEED 2.0 merupakan suatu inisiatif terbilang ke arah perubahan lanskap keusahawanan negara. Inisiatif ini melibatkan pelbagai pihak yang dilihat bakal meletakkan Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030) di tampuk teratas.

5. Ia bakal memberi pembaharuan kepada senario keusahawanan para graduan secara amnya, dan secara khususnya akan menjadi satu kaedah untuk melangsungkan kemandirian dasar ini melalui perlaksanaan pelbagai kaedah yang jitu.

6. ProCEED 2.0 juga akan menjadi pelopor kepada pengukuhan semula ekonomi selepas negara mengalami pelbagai kesan negatif pandemik. Program ini akan menekankan

kesedaran tentang kepentingan keusahawanan yang mengarah para peserta ke arah pengukuhan ekosistem keusahawanan universiti.

7. Program ini dijangka mampu membantu mengatasi isu peluang pekerjaan pelbagai peringkat golongan yang akan menjadi model untuk memulakan perniagaan yang baharu, memperkukuh hubungan kerjasama industri dan universiti. Pada masa yang sama model ini akan menjadi kurikulum utama sebagai panduan bagi semua aktiviti dengan rakan strategik dalam usaha melahirkan graduan yang bersifat inovatif, kompetitif dan kreatif dan mempunyai daya saing yang tinggi.

Para Hadirin sekalian,

8. Kita sedia maklum, perjalanan seorang usahawan di dalam membangunkan perniagaan yang berjaya tidak akan

sunyi dengan pelbagai bentuk cabaran yang datang. Antaranya, kekurangan modal, tiada sokongan ahli keluarga, kesukaran mendapat pinjaman atau geran serta halangan mengakses pasaran dengan berkesan.

9. Semoga dengan adanya program seperti ini, akan dapat mengurangkan cabaran yang dihadapi atau menjadi persediaan kepada usahawan baharu untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut. Kemahiran dan ilmu yang dikongsikan diharap akan dapat memakmurkan perkembangan dan kesejahteraan perniagaan para usahawan terutamanya para graduan.

10. Saya yakin program ProCEED ini akan diteruskan dengan lebih banyak program lagi dalam membina dan membangunkan jiwa keusahawanan. InshaAllah usaha sebegini akan membuahkan banyak kejayaan dan kecemerlangan.

Sekian

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.